



28 November 2012
28 November 2012
P.U. (A) 424

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 8) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION
OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 8) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 8) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem)(No. 8) 2012.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2012.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan suatu Perjanjian Kemudahan yang dibuat antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ("Peminjam") dengan CIMB Islamic Bank Berhad ("Pemberi Pinjam") berhubungan dengan peruntukan Fasiliti Pinjaman Jangka Masa-i di bawah konsep *Bai' al-Inah* ("Kemudahan") sehingga jumlah amaun dua ratus juta ringgit (RM200,000,000.00) kepada Peminjam, yang kena dibayar oleh—

- (a) Peminjam, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang) 2012;
- (b) Kerajaan Malaysia di bawah suatu jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia menurut Kemudahan itu; dan
- (c) mana-mana pihak lain dalam Perjanjian Kemudahan itu termasuk mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak.